

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH [SETIU]**

TARIKH : 20 MAC 2014

SOALAN :

YB Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kementerian bagi meningkatkan kesihatan mental di kalangan rakyat negara ini dan apakah langkah Kementerian bagi menangani kesihatan mental di kalangan rakyat negara ini dalam agenda kesihatan nasional.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mewujudkan Dasar Kesihatan Mental Negara semenjak tahun 1998 yang menggariskan beberapa strategi menangani masalah kesihatan mental. Antara langkah-langkah/pendekatan yang diambil bagi menangani masalah kesihatan mental di negara ini adalah:

Pendekatan jangka pendek:

- (i) Melaksanakan aktiviti-aktiviti secara berkala seperti pameran, ceramah, dialog dan forum bagi menggalakkan kesihatan mental yang positif melalui Kempen Cara Hidup Sihat dan Hari Kesihatan Mental Sedunia yang memfokuskan kepada “Pupuk Minda Sihat dengan Menangani Stres”. Aktiviti promosi juga memfokuskan aspek kesedaran kemurungan (*depression awareness*) dan pencegahan bunuh diri;
- (ii) Menyediakan bahan-bahan pendidikan kesihatan tentang stres, pencegahan penyakit mental, masalah mental seperti kemurungan, keresahan serta masalah tingkah laku, buli dan penderaan. KKM juga membangunkan laman web www.myhealth.gov.my. di mana orang ramai boleh mendapatkan maklumat tentang penjagaan kesihatan mental;
- (iii) Bagi mengurangkan prevalen gangguan mental dan tingkah laku, saringan untuk mengenalpasti tahap stres, keresahan dan kemurungan serta intervensi awal bagi mereka yang berisiko dilaksanakan di klinik-klinik kesihatan melalui perkhidmatan kesihatan mental secara integrasi. Perkhidmatan rawatan susulan juga diberi bagi menggalakkan pesakit mental stabil menerima rawatan susulan di peringkat komuniti serta pemulihan psikososial dalam masyarakat; dan

- (iv) Bagi merawat pesakit mental, KKM telah menyediakan perkhidmatan rawatan psikiatri di 4 buah Institusi Mental dan 42 buah hospital kerajaan. Perkhidmatan kesihatan mental juga ditawarkan di klinik-klinik kesihatan yang dilaksanakan secara integrasi. Perkhidmatan ini meliputi aktiviti saringan untuk mengenalpasti tahap stres, keresahan dan kemurungan, intervensi bagi mereka yang berisiko serta rawatan susulan bagi pesakit mental stabil.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi pendekatan jangka panjang pula:

- (i) KKM telah membangunkan Pelan Tindakan Strategik Pencegahan Bunuh Diri Kebangsaan 2012-2016 yang menggariskan beberapa strategi untuk menangani masalah kesihatan mental yang boleh membawa kepada tindakan bunuh diri di kalangan masyarakat; dan
- (ii) KKM juga telah mewujudkan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melaksanakan Program Minda Sihat Menangani Stres di kalangan murid-murid sekolah menengah. Sehingga Ogos 2012, sebanyak 267 buah sekolah telah pun melaksanakan program ini yang akan diperluaskan secara berperingkat.